

**TEKS UCAPAN**

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI  
MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN  
LEBUHRAYA LEMBAH KLANG TIMUR (EKVE)  
SEKSYEN 1: PERSIMPANGAN BERTINGKAT SG. LONG –  
PERSIMPANGAN BERTINGKAT AMPANG**

**29 OGOS 2025**

## **SALUTASI**

1. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim  
Perdana Menteri
2. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin Shari  
Menteri Besar Selangor
3. Yang Berbahagia Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar  
Ketua Setiausaha Negara
4. Yang Berbahagia Dato' Seri Azman bin Ibrahim  
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya
5. Yang Berhormat Datuk Seri Utama Ir. Hasni bin Mohammad  
Pengerusi Lembaga Lebuhraya Malaysia
6. Yang Berbahagia Dato' Ir. Haji Sazali bin Harun  
Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia
7. Yang Berbahagia Dato' Sri Wan Zakaria bin Haji Wan Muda  
Timbalan Pengerusi Eksekutif, Ahmad Zaki Resources Berhad
8. Yang Berbahagia Datuk Wan Nadzir bin Wan Mohamad  
Pengarah Eksekutif Kumpulan WZR

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Pegawai-Pegawai Kerajaan Persekutuan dan Negeri Selangor, Agensi-agensi swasta, Syarikat-Syarikat Konsesi, Rakan-Rakan Media, Tuan-tuan, Puan-puan dan hadirin yang dihormati sekalian.

Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani, Salam Segulai Sejalai.

## **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengungkapkan kesyukuran kerana pada hari ini kita dianugerahkan kesejahteraan dan peluang untuk hadir dalam Majlis Perasmian Lebuhraya Lembah Klang Timur atau lebih dikenali sebagai Seksyen 1, Lebuhraya EKVE ini.
2. Pada kesempatan ini, saya bagi pihak kementerian merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada YAB Perdana Menteri kerana sudi hadir di majlis pada hari ini. Kita sangat menghargai kehadiran YAB, kerana dalam kesibukan tugas rasmi, YAB tetap meluangkan masa untuk bersama-sama kita bagi merasmikan pembukaan lebuhraya EKVE ini. Selama ini banyak perasmian lebuhraya telah dilaksanakan, namun hari ini cukup istimewa kerana kita bertuah berpeluang bersama YAB Perdana Menteri sendiri. Kehadiran ini jelas menunjukkan betapa YAB Perdana Menteri meletakkan kepentingan yang tinggi terhadap pembangunan lebuhraya demi kesejahteraan rakyat, sekali gus menggambarkan keprihatinan dan keseriusan YAB dalam memastikan kesejahteraan, penyelesaian dan keselamatan rakyat sentiasa diberi keutamaan.

Hadirin yang dihormati,

3. **Seksyen 1 Lebuhraya EKVE ini bermula dari Persimpangan Bertingkat Sungai Long sehingga ke Persimpangan Bertingkat Ampang.** Lebuhraya ini merupakan salah satu projek infrastruktur utama negara yang amat signifikan, khususnya dalam memperkukuh jaringan sistem jalan raya di sekitar Lembah Klang, selaras dengan

aspirasi Kerajaan Madani dalam memastikan kesejahteraan rakyat dijaga di samping menyeimbangkan pembangunan negara.

## **KEPENTINGAN RANGKAIAN PENGANGKUTAN**

4. Lebuhraya EKVE ini yang membentuk sebahagian daripada sistem Lingkaran Luar Kuala Lumpur atau *Kuala Lumpur Outer Ring Roads* (KLORR) di bahagian timur, telah dirancang sebagai laluan alternatif yang dapat menghubungkan kawasan-kawasan utama di pinggir bandar seperti Sungai Long, Bandar Mahkota Cheras, Hulu Langat dan Ampang, tanpa perlu memasuki pusat bandar yang sering kali mengalami kesesakan trafik yang teruk.

## **MAKLUMAT PROJEK – LEBUHRAYA EKVE, SEKSYEN 1**

Untuk makluman hadirin,

5. **Seksyen 1 mempunyai 4 buah persimpangan bertingkat** iaitu di Sungai Long, Bandar Mahkota Cheras, Hulu Langat dan Ampang. Manakala, bagi kemudahan pengguna lebuhraya, lebuhraya ini menyediakan 2 buah hentian sebelah iaitu di Hulu Langat dengan kemudahan surau, tandas, wakaf, *food trucks* dan *fitmen centre* untuk kemudahan pengguna untuk membeli dan memasang RFID di kenderaan masing-masing.
6. Seksyen 1 ini merangkumi **16.8 km jajaran utama** dan **8.4 km jalan susur** bagi 4 buah persimpangan bertingkat. **Lebuhraya ini direkabentuk menggunakan sistem tol tertutup dan setiap plaza**

tol juga dilengkapi dengan *Radio Frequency Identification (RFID)* dan *Automatic Number Plate Recognition (ANPR)* selaras dengan cadangan pelaksanaan *Multi-Lane Fast Flow (MLFF)* di semua lebuhraya Malaysia kelak.

7. Sementara itu, **Seksyen 2** yang akan menghubungkan laluan ini terus ke Ukay Perdana kini **sedang giat dilaksanakan**, dan apabila dibuka kelak akan melengkapkan keseluruhan jajaran EKVE sepanjang **39 kilometer** yang dirancang dalam pelan pembangunan asal.

## **CABARAN TRAFIK SEMASA & PERANAN EKVE**

8. Dengan menyediakan laluan alternatif yang lebih lancar serta menghubungkan ke lebuhraya lain seperti Lebuhraya Kajang SILK dan Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi–Ulu Kelang (SUKE), lebuhraya ini mampu membantu mengurangkan kesesakan di jalan-jalan utama sedia ada. Malah, masa perjalanan — khususnya dari Ampang ke Kajang — dijangka dapat dikurangkan kepada hanya **20 minit**.

## **MANFAAT EKONOMI DAN WILAYAH**

9. Bukan itu sahaja, lebuhraya ini juga dijangka dapat merangsang pertumbuhan ekonomi tempatan dengan membuka akses baharu ke kawasan-kawasan pembangunan yang sebelum ini kurang mendapat sambungan rangkaian pengangkutan yang efektif.

## **PENGHARGAAN KEPADA PIHAK TERLIBAT**

10. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan pembinaan Seksyen 1 Lebuhraya EKVE ini, khususnya kepada Kementerian Kerja Raya, Lembaga Lebuhraya Malaysia, EKVE Sdn. Bhd., agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri seperti Kementerian Kewangan (MOF), Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Peguam Negara (AGC), Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian (JKPTG), Jabatan Kerja Raya (JKR), PTG Selangor, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) serta agensi-agensi kerajaan dan swasta yang telah melaksanakan tugas mereka dengan penuh dedikasi dan profesional.

## **PENYELENGGARAAN DAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA**

11. Saya juga ingin menekankan bahawa aspek penyelenggaraan selepas pembukaan lebuhraya ini adalah amat penting bagi memastikan kemudahan yang disediakan kekal berfungsi dengan baik dan selamat untuk semua pengguna. Sehubungan dengan itu, saya berharap pihak konsesi dapat melaksanakan tanggungjawab penyelenggaraan dengan cekap dan berkesan, selaras dengan ketetapan yang telah digariskan dalam perjanjian konsesi.
12. Justeru, saya menyeru kepada semua sekiranya terdapat sebarang aduan berkaitan dengan jalan dan lebuhraya bertol di negara kita, bolehlah disalurkan menerusi aplikasi **MYJalan**. Program dan aplikasi

ini amat dekat di hati saya dan tentunya YAB Perdana Menteri sendiri, yang telah melancarkan MYJalan pada 23 Ogos 2023. Usaha Kerajaan Madani ini yang telah memasuki tahun kedua pelaksanaannya, telah menerima 40,938 aduan dari tempoh Ogos hingga Julai 2025.

13. Daripada jumlah itu, **12,459 aduan** melibatkan JKR & LLM dengan kadar penyelesaian tinggi iaitu **95.19%**, manakala **28,479** aduan dikategorikan di bawah dasar **No Wrong Door** melibatkan jalan negeri, jalan kampung, jalan bandaran serta jalan persendirian.
14. KKR, JKR, LLM dan agensi-agensi lain di bawahnya amat terbuka dalam menerima aduan atau pandangan daripada semua pihak dan berusaha sedaya upaya untuk memastikan tahap infrastruktur jalan raya di dalam negara sentiasa dalam keadaan yang terbaik, selesa dan selamat untuk pengguna jalan raya.
15. Pada masa yang sama, saya menyeru kepada semua pengguna jalan raya agar menggunakan lebuh raya ini secara berhemah, mematuhi peraturan jalan raya dan mengutamakan keselamatan diri serta pengguna lain, agar lebuh raya ini benar-benar dapat dimanfaatkan secara optimum dan kekal menjadi kemudahan yang memberi faedah kepada rakyat.

## **PENUTUP**

16. Akhir kata, sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada semua pihak atas kejayaan pembukaan Seksyen 1 Lebuhraya EKVE ini. Semoga kemudahan ini akan menjadi pemacu kepada pembangunan seimbang di Lembah Klang serta menyumbang kepada pencapaian matlamat Malaysia MADANI yang menekankan kemampanan, kesejahteraan dan kemajuan bersama.

Sekian, terima kasih.